

PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL TAHUN 2010 – 2012

1. LATAR BELAKANG

1.1 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) merupakan sebuah agensi peneraju yang bertanggungjawab di dalam memastikan perpaduan masyarakat sentiasa dipelihara dan diperkukuhkan. Segala usaha yang dilakukan hendaklah selari dengan hala tuju dan matlamat jabatan dan ia perlu dilaksanakan secara berterusan bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni. Matlamat ini juga adalah selari dengan teras nasional yang ke empat iaitu bagi **Meningkatkan Tahap dan Kemampanan Kualiti Hidup** dimana **Bidang Keberhasilan Utama (NKRA)** yang telah ditetapkan ialah **Pembangunan Masyarakat Progressif**.

1.2 Di dalam menjalankan usaha-usaha memelihara dan memperkukuhkan perpaduan, pelbagai cabaran dihadapi oleh jabatan. Isu-isu perkauman, kedaulatan undang-undang, politik, ekonomi, pendidikan, agama, sosial, keselamatan masyarakat dan negara serta isu hak asasi warganegara telah dibahas dan dipertikaikan tanpa mengikut lunas-lunas serta peruntukan yang telah jelas dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Isu-isu seperti ini telah dipolitikkan sehingga segelintir masyarakat terpengaruh dan merangsang mereka untuk melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang dan seterusnya menjejaskan keharmonian hidup masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

1.3 Apabila senario ini masih berterusan seolah-olah sukar dikawal melalui penguatkuasaan undang-undang, maka timbul pula isu yang mempersoalkan sejauh mana peranan dan keberkesanan jabatan di dalam membendung isu perhubungan kaum dan perpaduan. Adakah tanggungjawab Kerajaan khususnya agensi yang melaksanakan hal ehwal perpaduan gagal menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan atau polisi-polisi yang digubal Kerajaan hanya untuk kepentingan sesuatu kaum atau kumpulan sahaja.

1.4 Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah memikirkan beberapa pendekatan yang lebih sesuai supaya masyarakat merasai dan beranggapan bahawa segala polisi yang dijalankan selama ini memang mengutamakan dan mendahulukan masyarakat tanpa meminggirkan hak dan kepentingan golongan-golongan yang menganggap mereka dipinggirkan. Hakikat dan realitinya, Kerajaan tidak pernah berbuat demikian. Maka dengan itu Kerajaan telah memperkenalkan “Gagasan 1 Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Ini disusuli dengan penganjuran bengkel “Lab 1Malaysia dan Perpaduan” yang bertujuan untuk mencari pendekatan baru

yang lebih praktikal terjemahannya serta mengutamakan dan mementingkan aspirasi rakyat.

1.5 Maka dengan ini, jabatan perlu menggubal satu Perancangan Strategik yang lebih *comprehensive*, bersepadu dan selari dengan semangat gagasan 1Malaysia itu. Pelan Tindakan yang disediakan hendaklah mempunyai hala tuju yang jelas dan selari dengan matlamat jabatan serta *outcome* Bidang Keberhasilan Utama iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Menikmati Kesejahteraan Kehidupan dan Memiliki Nilai-Nilai Positif.

2. VISI

Menjadi agensi peneraju utama untuk memelihara, meningkat dan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia.

3. MISI

Mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat berasaskan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Gagasan 1 Malaysia.

4. OBJEKTIF

4.1 Memupuk, mengukuh dan mempertingkatkan perpaduan masyarakat dan integrasi nasional.

Perpaduan dan integrasi nasional merupakan satu proses dinamik di mana rakyat daripada pelbagai kaum dan etnik yang berbeza sosio-budaya, agama, adat resam, wilayah dapat hidup dalam suasana aman damai, harmoni berteraskan kepada persefahaman, penghayatan kepada Perlembagaan Persekutuan serta menjadikan Rukun Negara sebagai teras budaya dan gaya hidup. Ia juga satu proses untuk mengukuhkan jalinan inter dan intra kaum dan etnik di negara ini.

4.2 Menyemai, memupuk dan mengukuhkan semangat patriotisme dan nilai-nilai murni dikalangan masyarakat.

Semangat cinta dan sayangkan negara merupakan salah satu nilai bersama yang perlu disemai, dipupuk dan diperkukuhkan demi menjaga kedaulatan negara. Disamping itu nilai-nilai murni yang dimiliki oleh pelbagai kaum perlu dikongsi dan diamalkan bersama-sama sehingga menjadi budaya hidup rakyat di Negara ini.

4.3 Melaksana program dan aktiviti perpaduan dan integrasi nasional selari dengan matlamat Gagasan 1 Malaysia.

Matlamat Gagasan 1Malaysia adalah untuk perpaduan nasional. Oleh itu segala program dan aktiviti yang dianjurkan oleh JPNIN hendaklah

menerapkan nilai-nilai Gagasan 1Malaysia yang bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

4.4 Memantau dan menyelaraskan pelaksanaan program dan aktiviti di bawah dasar-dasar Kementerian yang mempunyai impak perpaduan dan integrasi nasional.

Jabatan merupakan agensi peneraju kepada penerapan dan pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional. Semua dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi tanpa pengecualian perlu menerap dan mengukuhkan unsur-unsur perpaduan dan integrasi nasional. Tugas ini perlu pemantauan dan penyelarasan jabatan.

5. STRATEGI

- 5.1 Mengubahalih (repositioning) halatuju, peranan dan tanggungjawab jabatan
- 5.2 Meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai melalui pembangunan modal insan yang lebih dinamik.
- 5.3 Menambahkan bilangan pembinaan dan kemudahan prasarana perpaduan di seluruh Negara.
- 5.4 Pembangunan dan perancangan strategik Teknologi Maklumat.
- 5.5 Mengubahalih (repositioning) Rukun Tetangga.
- 5.6 Program pengukuhan perpaduan negara dan integrasi nasional.

6. PENDEKATAN MENGGUBAL STRATEGI BARU DAN PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PENDEKATAN/SASARAN
1). Mengubahalih (repositioning) halatuju, peranan dan tanggungjawab jabatan.	Struktur/Proses/Pelanggan
2). Meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai melalui pembangunan modal insan yang lebih dinamik.	Proses/Pelanggan
3). Menambahkan bilangan pembinaan dan kemudahan prasarana perpaduan di seluruh negara.	Proses/Pelanggan

STRATEGI	PENDEKATAN/SASARAN
4). Pembangunan dan perancangan strategik Teknologi Maklumat.	Proses
5). Mengubahalih (repositioning) Rukun Tetangga.	Proses
6). Program pengukuhan perpaduan negara dan integrasi nasional.	Proses/Pelanggan

**7. STRATEGI 1
MENGUBAHALIH (REPOSITIONING) HALA TUJU, PERANAN DAN
TANGGUNGJAWAB JABATAN.**

7.1 LATAR BELAKANG

- a). Program ke arah memelihara, mengukuh dan meningkatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini telah dilaksanakan secara berterusan oleh JPNIN. Walaubagaimanapun, perubahan persekitaran memerlukan kajian semula terhadap hala tuju, peranan dan tanggungjawab organisasi supaya ianya memberikan impak positif kepada imej

JPNIN agar terus relevan demi mencapai objektif penubuhannya.

- b). Mengubahalih (repositioning) hala tuju, peranan dan tanggungjawab jabatan ini adalah hasil dari bengkel dan syor yang dicadangkan oleh “Lab 1Malaysia dan Perpaduan”. Selama ini hanya JPNIN satu-satunya agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus isu-isu perpaduan sedangkan di dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Lima Tahun yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada tahun 2006, tanggungjawab ini turut melibatkan pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan yang lain. Lebih-lebih lagi apabila setiap jabatan dan agensi kerajaan ini mempunyai dasar yang mempunyai ruang yang membolehkan unsur-unsur perpaduan itu diterapkan. Pelaksanaan kandungan pelan tindakan itu juga didapati masih tidak menyeluruh dan hanya tertumpu kepada peranan yang dimainkan oleh jabatan kecuali apabila timbul isu-isu sensitif perpaduan yang melibatkan jabatan dan agensi kerajaan tertentu.

7.2 KEDUDUKAN MASA KINI

- a) Program yang dijalankan bertaraf “status-quo” dan tiada kajian impak dan keberkesanan yang lebih terancang dan menyeluruh.
- b) Perubahan iklim perpaduan dan expektasi masyarakat tidak seimbang dengan perkembangan dan pembangunan organisasi.
- c) Penyelarasan pelaksanaan program dan aktiviti dengan jabatan/agensi kerajaan yang lain seperti yang terkandung dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional masih longgar dan ia perlu dimantapkan.
- d) Liputan program dan aktiviti yang dijalankan masih belum seimbang dengan populasi rakyat negara ini dan penyertaannya hanya tertumpu kepada sesuatu golongan sahaja.

7.3 ISU DAN CABARAN

- a) Perancangan dan pelaksanaan program-program yang bersesuaian serta lebih kreatif dan inovatif perlu seimbang dengan keupayaan dan daya kreativiti tinggi di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan.
- b) Perancangan dan pelaksanaan program perlu menepati kumpulan sasaran yang lebih luas dan disertai oleh pelbagai kaum, sosio-budaya, agama dan sejarah. Kementerian dan agensi kerajaan yang lain perlu dilibatkan bersama.

- c) Peranan JPNIN sebagai agensi peneraju yang menguruskan perpaduan perlu lebih menonjol dan berkesan.
- d) Meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai dengan menggunakan kemudahan ICT sedia ada untuk menangani kenyataan negatif yang disebar melalui media massa dan media alternatif.
- e) IKLIN perlu melaksanakan dan meluaskan bidang kajian dan penilaian terhadap program-program yang dilaksanakan oleh jabatan.
- f) Menjadikan hasil kajian dan penilaian sebagai asas untuk menambahbaiki program-program yang dijalankan.
- g) Usaha-usaha membina jaringan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGOs), badan korporat dan swasta serta media cetak/elektronik perlu dirancang dengan lebih sistematik dan strategik.
- h) Perubahan iklim perpaduan yang lebih mencabar disebabkan oleh faktor politik, media massa dan laman-laman blog.
- i) Penerapan nilai-nilai Gagasan 1Malaysia tidak hanya tertumpu kepada jabatan sebaliknya ia juga melibatkan semua kementerian dan agensi.
- j) Perancangan program dan aktiviti perlu lebih sistematik dan strategik kearah meningkatkan persefahaman dikalangan masyarakat.

7.4 STRATEGI

- a) Untuk memberikan perubahan positif ke arah pemantapan budaya perpaduan, nilai-nilai murni, integrasi dan patriotisme rakyat termasuk pegawai dan kakitangan di sektor awam dan swasta.
- b) Untuk mempelbagaikan program yang lebih kreatif dan inovatif dalam memupuk serta menyemarakkan perpaduan rakyat.
- c) Untuk penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti program agar ianya memberi manfaat kepada rakyat.
- d) Untuk menarik minat rakyat bagi menyertai program-program yang dilaksanakan.
- e) Menggunakan 'tagline' yang bersesuaian, mudah, ringkas dan senang diingati seperti 'Perpaduan Adalah Milik Kita'.
- f) Untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada rakyat bahawa perpaduan dan persefahaman itu penting sebagai alat untuk mewujudkan suasana kehidupan yang lebih selesa dan harmoni.

7.5 SASARAN STRATEGI

Objektif mengubahalih (repositioning) halatuju, peranan dan tanggungjawab jabatan ini ialah untuk:-

- a) Memelihara, memupuk, mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan perpaduan rakyat.

- b)** Mempertingkatkan dan memperkukuhkan jalinan perhubungan di antara penduduk di dua wilayah yang berbeza geografinya.
- c)** Menyemai, memupuk dan memperkukuhkan nilai-nilai murni dikalangan rakyat.
- d)** Mempertingkatkan semangat patriotisme dikalangan rakyat.
- e)** Memberi kefahaman tentang Gagasan 1Malaysia.
- f)** Mendorong penglibatan yang lebih aktif Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain ke arah memelihara, memperkukuhkan perpaduan Negara dan integrasi nasional melalui pelaksanaan dasar-dasar sedia ada di peringkat Kementerian dan agensi masing-masing.
- g)** Memberi khidmat nasihat, memantau dan menyelaras pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti perpaduan yang dijalankan.

7.6 PELAN TINDAKAN

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
Repositioning JPNIN	1. Menyemak semula dokumen Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional selaras dengan gagasan/konsep 1 Malaysia dan cadangan lab 1 Malaysia.	Menubuhkan <i>task force</i> untuk menyemak dan mengkaji semula PTPNIN pada Februari 2010.	Deraf pertama semakan berkenaan siap pada Julai 2010. Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri pada atau sebelum bulan November 2010.		N		Peruntukan sedia ada mencukupi	Bhg. D&P	P (D&P)
	2. Mengenalpasti program/aktiviti yang mempunyai persamaan dengan agensi-agensi lain serta meningkatkan jaringan dan membentuk Smartpartnership antara jabatan.	Menubuhkan urusetia penyelarasan untuk menjalin <i>smartpartnership</i> dengan jabatan yang lain.	Menyediakan ringkasan program pada penghujung tahun 2010		N		RM 50,000.00	Bhg (PK) Bhg (HEK) Bhg(IN) Bhg (PM) Bhg (PP) Unit (UPA)	P (PK) P (HEK) P(IN) P(PM) P (PP) P (UPA)
	3. Menubuhkan Jawatankuasa PTPNIN Induk/Negeri/ Daerah.	Menyediakan <i>TOR</i> jawatankuasa Induk/Negeri/ Daerah.	Kekerapan mesyuarat yang diadakan. Menyediakan	4 kali	N		Peruntukan sedia ada mencukupi	Bhg. D&P	P (D&P)

STRATEGI Repositioning IDNIN	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
			perancangan dan penyelarasan program dan aktiviti di semua peringkat.						
	4. Menyelaras dan menyediakan kalendar aktiviti perpaduan bersama agensi-agensi lain.	Membuat perancangan pengumpulan maklumat bagi tahun 2011. Mengumpulkan maklumat dan perlaksanaan program semua peringkat. Menubuhkan jawantakuasa penyelaras, pelaksanaan program dan aktiviti.	Menyediakan calendar aktiviti pada Disember 2010.		N		RM100,000.00	Bhgn. Korporat	P (Korporat)
	5. Mengumpul dan Meneliti dokumen Dasar-Dasar Negara yang mempunyai 'Elemen Perpaduan' berdasarkan bidang kuasa agensi yang	Menwujudkan Urusetia penyelaras bagi mengumpulkan dasar-dasar kerajaan yang mempunyai	Tempoh masa yang diambil (3 bulan)					Bhg. D&P IKLIN (unit Penyelidikan)	P (D&P)

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
Repositioning IDNIN	mempunyai impak perpaduan dan integrasi nasional.	elemen-elemen perpaduan.							
	6. Membina keupayaan dan kompetensi sumber manusia.	<p>Menjalankan kajian keperluan latihan</p> <p>Merangka modul kursus-kursus yang memenuhi keperluan</p> <p>Pembangunan kerjaya</p> <p>Pembelajaran berterusan</p>	<p>Mengenalpasti keperluan bil kursus.</p> <p>Bil peserta berbanding dengan bil keseluruhan kakitangan jabatan</p> <p>Analisis tahap kompetensi</p> <p>Menghadiri semua kursus yang telah ditetapkan dalam gred masing-masing</p> <p>Bilangan jam yang</p>					<p>Bhg (P & K) IKLIN</p> <p>Bhg (P & K) IKLIN</p>	<p>P(P & K) P (IKLIN)</p> <p>P(P & K) P (IKLIN)</p>

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
Repositioning IDNIN			diperlukan untuk pembelajaran bert erusan Pemilihan yang professional						
		Memberi penganugerahan dan pengiktirafan untuk individu dan organisasi							
STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
	7. Memantapkan fungsi IKLIN sebagai pusat kajian mengenai perpaduan Negara	Menambah peruntukkan geran kajian mengenai perpaduan dan integrasi.	Bilangan kajian yang dijalankan Bilangan kajian impak mengenai program perpaduan					P (IKLIN)	IKLIN

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
Repositioning IDNIN		Smart partnership dengan IPTA & IPTS mengenai kajian perpaduan dan integrasi Mengumpul segala kajian, jurnal, artikel dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan perpaduan	Bilangan IPTA & IPTS yang terlibat Mewujudkan data bank di IKLIN						
	8. Membangunkan data bank yang menyeluruh dengan perkongsian data dengan pihak berkepentingan atau jabatan lain.	Membangunkan rangka kerja dan pengaplikasian sistem bersepadu	Akhir tahun 2010					P(IKLIN) P(TM)	
	9. Meningkatkan kepakaran, dan pengetahuan serta kemahiran dalam alam siber di kalangan pegawai	Menubuhkan Jawatankuasa <i>Blogger</i>	Bilangan isu-isu yang telah dijawab					P(IKLIN) P(TM)	

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
Repositioning IDNIN	bagi menangkis dakyah negatif yang disebarkan menerusi media eletronik.								
	10. Meningkatkan tahap yang 'tinggi', kemahiran pegawai disemua peringkat dalam mengumpul, menganalisis situasi serta mendapatkn reaksi awal berkenaan isu / konflik setempat yang boleh menjejaskan perpaduan kaum.	Kemahiran dan kecekapan pegawai diadakan Menyelesaikan dan menganalisa isu-isu dan konflik	Tempoh isu dan konflik diselesaikan (2minggu)					P(PP) P(TM) P(IKLIN)	

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
Repositioning IDNIN	12. Menwujudkan Unit Aduan Perpaduan	Menyediakan garis panduan siasatan aduan						Bhgn. Korporat	P (Korporat)
		Memberi maklumbalas ke atas adua-aduan	Tempoh memberi maklumbalas kepada aduan-aduan						

STRATEGI Repositioning IDNIN	TINDAKAN PERLAKSANAAN/ TAKTIKAL (Program dan /atau Aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DI PERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG -JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
	13. Menwujudkan <i>Unity Audit Tracker</i>	Mengujudkan Jawatankuasa untuk meneliti dasar Kementerian/ agensi dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara	Penambahbaikan dasar-dasar dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara					P(D/P)	KP

8. STRATEGI 2

MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEPAKARAN PEGAWAI MELALUI PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG LEBIH DINAMIK.

8.1 LATAR BELAKANG

a). Perubahan iklim perpaduan yang ketara dan ekpektasi stakeholders yang menuntut perpaduan dan integrasi nasional diurus dengan lebih baik memerlukan modal insan yang berkemahiran, berbudaya cemerlang dan berpengetahuan. Usaha-usaha ini perlu dipertingkatkan bagi mengukuhkan peranan agensi di dalam merancang, melaksana, menilai serta mengurus isu-isu supaya matalamat dan visi jabatan tercapai sepenuhnya.

b). Bagi tujuan tersebut, pembangunan modal insan yang dijalankan perlu lebih menyeluruh kerana liputan tugas dan tanggungjawab jabatan melangkaui segenap peringkat dan lapisan masyarakat, pelbagai kaum yang mempunyai latar belakang yang sama sekali berbeza. Oleh itu kemahiran, kepakaran, pengetahuan tidak hanya terhad dalam sesuatu bidang tetapi ia meliputi semua cabang kehidupan yang melibatkan pengurusan kelompok manusia yang mempunyai pelbagai naluri dan keinginan.

c). Faktor globalisasi turut mempengaruhi penggubalan strategi ini supaya maklumat-maklumat dan teknologi terkini boleh diperolehi dan dicapai hanya dengan cara yang paling mudah dan singkat. Dengan demikian pembangunan modal insan perlu diperlengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi maklumat.

8.2 KEDUDUKAN MASA KINI

- a). Perubahan iklim perpaduan dan ekpektasi masyarakat tidak seimbang dengan keupayaan bilangan modal insan yang sedia ada.
- b). Hampir dua puluh peratus (20 %) dari pegawai dan kakitangan jabatan adalah terdiri dari mereka yang baru dilantik dan masih belum dilatih dalam bidang pengurusan perhubungan sosial.
- c). Pembangunan modal insan masih belum menyeluruh dan ia perlu dipertingkatkan.
- d). Pemantauan dan pengesanan isu-isu perpaduan masih longgar dan ia perlu dimantapkan.

8.3 ISU DAN CABARAN

- a). Kemampuan IKLIN untuk menganjurkan latihan amat terhad kerana kekurangan pegawai untuk menyelaras latihan.
- b). Pengurusan data dan maklumat pegawai dan kakitangan yang terlatih mengikut bidang masih diperingkat dikemaskinikan.
- c). Kemampuan kewangan yang terhad menjadi faktor penghalang untuk melatih pegawai dan kakitangan dalam pelbagai bidang perhubungan sosial.
- d). Jabatan masih belum mempunyai institusi latihan yang diuruskan sepenuhnya. Latihan yang dijalankan melibatkan kos yang tinggi kerana penyewaan premis terutama di hotel-hotel.
- e). Program latihan dan kajian impak dijalankan secara “out-source” kerana ketiadaan pakar-pakar dalam bidang perhubungan sosial.

8.4 STRATEGI

- a). Untuk memberi perubahan positif ke arah budaya kerja cemerlang, berilmu dan berkemahiran.
- b). Melahirkan masyarakat yang menghayati budaya hidup yang lebih positif dan mengamalkan nilai-nilai murni kehidupan.
- c). Penyelesaian isu dan pengurusan konflik sosial yang berkesan.
- d). Mengujudkan sistem jaringan perhubungan sosial (social net working) dan sistem penyampaian yang lebih berkesan.
- e). Mengukur pencapaian dan pematuhan kepada Star Rating, NKRA dan KPI.

8.5 SASARAN STRATEGI

- a). Melengkapkan pegawai dan kakitangan dengan pengetahuan, kemahiran dan personaliti yang sentiasa positif dan cemerlang.

- b).** Mempunyai kesedaran dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.
- c).** Melahirkan pegawai dan kakitangan yang berwibawa di dalam mengesan isu dan menyelesaikan konflik sosial dengan cekap dan berkesan.
- d).** Melahirkan pegawai yang mempunyai keyakinan tinggi di dalam menjalankan urusan berkaitan dengan jabatan.

8.6 PELAN TINDAKAN

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN TAKTIKAL (Program dan / atau aktiviti)	UKURAN	KPI/ SASARAN	UNIT	ISO (Y/N)	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI B/TANGGUNGJAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN		
1. PENGAMBILAN DAN PENGISIAN JAWATAN	MEMAKLUMKAN KEKOSONGAN KEPADA SPA/JPA/ AGENSI BERKAITAN.	Setiap Bulan	Mengisi kekosongan jawatan	Mengikut jumlah kekosongan semasa	Tidak	-	MENGIKUT SKIM PERJAWATAN	PENGURUSAN	UNIT PERKHIDMATAN
2. LATIHAN	KURSUS KOMPETENSI - ICT	4 KALI SETAHUN	80 % Celik IT. Seluruh Warga Jabatan 90% pengunaan IT dalam tugas harian	200 ORANG	TIDAK		RM 200,000.00	IKLIN	IKLIN / PENGURUSAN
	KURSUS KEWANGAN - LO - Pekeliling	4 KALI SETAHUN	80 % (Memahami Prosedur Kewangan)	200 ORANG	TIDAK		RM 200,000.00	IKLIN	IKLIN / PENGURUSAN
	KURSUS PENGURUSAN PEJABAT - Sistem Failing - Pekeliling - Stor	4 KALI SETAHUN	80 % (Memahami Pengurusan Pejabat)	200 ORANG	TIDAK		RM 200,000.00	IKLIN	IKLIN / PENGURUSAN

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN TAKTIKAL (Program dan / atau aktiviti)	UKURAN	KPI/ SASARAN	UNIT	ISO (Y/N)	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI B/TANGGUNGJAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN		
	- PKPA								
	KURSUS INDUKSI KHUSUS	3 KALI SETAHUN	100 % (Disahkan Dalam Jawatan)	100 ORANG	TIDAK		RM 50,000.00	IKLIN / JPM	IKLIN/ JPM
	KURSUS INDUKSI UMUM	3 KALI SETAHUN	100 % (Disahkan Dalam Jawatan)	200 ORANG	TIDAK		RM 200,000.00	IKLIN/ JPM	IKLIN/ JPM
	BENGGEL BUDAYA KERJA CEMERLANG	4 KALI SETAHUN	80 % PENCAPAIAN PRESTASI (Pegawai dan Kakitangan)	200 ORANG	TIDAK		RM 200,000.00	IKLIN	IKLIN
3. KOMPETENSI	PENILAIAN KECEKAPAN TAHAP	Kakitangan yang layak menduduki	Semua yang layak menduduki PTK	Mengikut keperluan	TIDAK		-	PENGURUSAN	PENGURUSAN
4. PENGIKTIRAFAN	ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG	Sekali setahun	Penjawat Awam Cemerlang	Mengikut pencapaian	TIDAK		Mengikut jumlah penerima	PENGURUSAN	PENGURUSAN
	PINGAT	Mengikut Ketentuan Kerajaan	Penjawat Awam yang dipilih	Mengikut Bilangan Pilihan	TIDAK	TIDAK MELIBATKAN KEWANGAN	-	PENGURUSAN	PENGURUSAN
	HADIAH LATIHAN	Mengikut Keperluan penaja	Penjawat Awam yang dipilih	Mengikut Bilangan calon	TIDAK		Mengikut jumlah calon	PENGURUSAN	PENGURUSAN
5. PELAN PENGGANTIAN	JAWATANKUASA PELAN PENGANTIAN (SEARCH COMMITTEE)	Mengikut keperluan jabatan	Penjawat Awam yang berpotensi	Mengikut keperluan	TIDAK	TIDAK MELIBATKAN KEWANGAN	-	PENGURUSAN	PENGURUSAN

STRATEGI	TINDAKAN PERLAKSANAAN TAKTIKAL (Program dan / atau aktiviti)	UKURAN	KPI/ SASARAN	UNIT	ISO (Y/N)	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI B/TANGGUNGJAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN		
	PETA LALUAN PENJAWAT AWAM (ROAD MAP)	Mengikut keperluan Penjawat Awam	Penjawat Awam yang berberkenaan	Mengikut keperluan	TIDAK	TIDAK MELIBATKAN KEWANGAN	-	PENGURUSAN	PENGURUSAN
6. PENYUSUNAN ORGANISASI	KAJI PERJAWATAN BERKALA	Setahun 2 kali	kualiti dan prestasi kerja	Mengikut keperluan semasa	TIDAK	TIDAK MELIBATKAN KEWANGAN	-	PENGURUSAN	PENGURUSAN
7. PENYATUAN PENJAWAT AWAM	KURSUS KEPIMPINAN DAN SEMANGAT BERPASUKAN	4 KALI SETAHUN	85 % PENCAPAIAN PRESTASI (Pegawai dan Kakitangan)	200 ORANG	TIDAK		RM 200,000.00	IKLIN	IKLIN/ PENGURUSAN
8. BUDAYA KORPORAT	MESRA DAN SEDIA BANTU	Warga JPNIN	Keyakinan dan kepercayaan rakyat / Mempromosi JPNIN	Seluruh Warga JPNIN	TIDAK	TIDAK MELIBATKAN KEWANGAN	-	PENGURUSAN	PENGURUSAN
	SALAM PERPADUAN	Warga JPNIN	Keyakinan dan kepercayaan rakyat / Mempromosi JPNIN	Seluruh Warga JPNIN	TIDAK	TIDAK MELIBATKAN KEWANGAN	-	PENGURUSAN	PENGURUSAN

9. STRATEGI 3

MENAMBAHKAN BILANGAN PEMBINAAN DAN KEMUDAHAN PRASARANA PERPADUAN DI SELURUH NEGARA

9.1 LATAR BELAKANG

- a). Prasarana sosial merupakan alat bagi menyokong usaha-usaha kerajaan di dalam memelihara dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Ia merupakan tempat untuk menjalin interaksi, berbincang, mengurus institusi perpaduan serta tempat merancang program dan aktiviti di kalangan ahli masyarakat setempat.
- b). Walaupun terdapat beberapa kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan sebagainya, namun kemudahan itu digunakan bersama oleh pihak-pihak lain dan setiap kali penggunaan akan dikenakan sewa atas kadar-kadar tertentu. Keadaan ini amat menyulitkan kerana status institusi perpaduan dan jawatankuasanya menjalankan tugas dan tanggungjawab itu adalah secara sukarela tanpa menerima apa-apa imbuhan. Institusi ini juga bukan merupakan institusi yang berorientasikan perniagaan mahupun mencari keuntungan.
- c). Di dalam Pelan Tindakan Lima Tahun Rukun Tetangga 2006 - 2010, kerajaan telah memutuskan supaya institusi perpaduan ini diperluaskan dan ditingkatkan bilangannya dengan mensasarkan 300 institusi setahun berbanding hanya 150 institusi sebelum ini. Ini menjadikan jumlah institusi perpaduan yang telah tertubuh diseluruh Negara sehingga Oktober tahun 2009 ialah sebanyak 4,445 buah dan dari jumlah tersebut hanya 15% yang mempunyai bangunan yang boleh dijadikan sebagai pusat aktiviti

9.2 KEDUDUKAN MASA KINI

- a). Sehingga Oktober 2009, terdapat sebanyak 4,445 buah Pusat Rukun Tetangga diseluruh Negara. Dari jumlah tersebut hanya 15% mempunyai kemudahan prasarana/bangunan untuk di jadikan sebagai tempat merancang program dan aktiviti.
- b). Kemudahan prasarana yang disediakan kerajaan ini masih belum mencukupi dan tidak berupaya menampung tuntutan penduduk yang dilihat semakin aktif melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.
- c). Jabatan sedang melaksanakan perkara-perkara yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Rukun Tetangga Lima Tahun. Kejayaan perlaksanaan pelan ini sebahagiannya adalah

bergantung kepada kemudahan atau prasarana fizikal yang ada di seluruh Negara.

- d). Prasarana fizikal yang ada amat terhad. Keadaan ini telah menjejaskan kelicinan pelaksanaan strategi-strategi yang telah ditetapkan itu.

9.3 ISU DAN CABARAN

- a). Peruntukan pembinaan prasarana fizikal yang diluluskan amat terhad dan tidak mampu menampung permintaan yang tinggi.
- b). Jabatan menghadapi kesukaran untuk mendapat tanah untuk dijadikan tapak bagi membina pusat Rkun Tetangga kerana kebanyakan tapak tanah ini diperuntukan sebagai *reserve* kawasan lapang di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan.
- c). Tapak yang diberi oleh Kerajaan Negeri kurang sesuai dan kurang strategik untuk dibina parasarana sosial. Tapak yang lebih strategik telah dibangunkan untuk tujuan komersial atau perumahan.
- d). Kos pembinaan prasarana fizikal telah meningkat dan berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain.

- e). Jabatan tidak mempunyai pegawai yang mencukupi atau unit teknikal bagi merancang, mengurus serta menyelenggara kemudahan-kemudahan yang dibina di bawah jabatan.

9.4 STRATEGI

- a). Melahirkan masyarakat progresif yang mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan.
- b). Meningkatkan interaksi dan perhubungan yang menyumbang kepada usaha-usaha memelihara dan meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional.
- c). Mengujudkan kawasan setempat yang selamat dan sejahtera dari sebarang ancaman jenayah dan masalah sosial.
- d). Memperkasakan komuniti melalui institusi perpaduan.

9.5 SASARAN STRATEGI

- a). Mengujudkan satu pusat sehenti (one stop centre) tempatan yang dijadikan sebagai tempat merancang dan melaksanakan program dan aktiviti perpaduan dan kemasyarakatan.
- b). Mempertingkatkan bilangan pembinaan prasarana sosial bagi menampung tuntutan masyarakat.

Bil	Jenis Prasarana	Sasaran (setahun)
1	Pembinaan PAP	4
2	Pembinaan bangunan KRT	10
3	Pembinaan Tabika Perpaduan	5

- c). Prasarana sosial sebagai faktor penggerak kepada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan setempat.
- d). Mengaktifkan institusi perpaduan khususnya KRT yang telah ditubuhkan.
- e). Mengujudkan pusat pendidikan dan menyemai nilai-nilai positif di kalangan penduduk tempatan termasuk kanak-kanak.

9.6 PELAN TINDAKAN.

STRATEGI 3	TINDAKAN PERLAKSANAAN/TAKTIKAL (POGRAM DAN/ATAU AKTIVITI)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
Bil. Pembinaan dan kemudahan prasarana perpaduan seluruh Negara	1. Membuat penambahan belanjawan/bajet bagi menampung keperluan prasarana dan kemudahan perpaduan	Menyemak semula kadar kos pembinaan pada masa kini	Menyemak jumlah keperluan yang hendak dibina.	Bergantung kepada bil. Kawasan RT yang memerlukan dan berdasarkan kepada peruntukan yang diterima.	Y			Unit Pembangunan	P (D&P)
	2. Membuat permohonan kepada kerajaan negeri untuk menrizabkan tanah dengan mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan untuk tujuan pembinaan prasarana perpaduan. - perbincangan dan usul hendaklah dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk memberi tapak yang strategik bagi tujuan pembinaan samada belian atau pemberian.	Menyediakan kertas kerja konsep yang lengkap dengan justifikasi keperluan berkenaan.	Meningkatkan 20 % peratus dari jumlah keseluruhan KRT untuk tujuan pembinaan prasarana.	Meningkatkan 20 % peratus dari jumlah keseluruhan KRT untuk tujuan pembinaan prasarana.	N			Unit Pembangunan	P (D&P)
	3. Menwujudkan unit teknikal pembangunan	Penyediaan kertas kerja dan	Tindakan dan pemantauan	Semua negeri	N			Bhg(D & P)	P(D & P)

	di negeri	justifikasi untuk mencadangkan penubuhan unit berkenaan	pengurusan pembinaan prasarana disetiap negeri					Dan PPN	
	4. Membeli bangunan sebagai gantian pembinaan bangunan baru.	Menentukan kawasan yang tidak mempunyai tapak tanah.	Di negeri, daerah dan KRT yang belum mempunyai prasarana perpaduan	Bergantung kepada keperluan dan peruntukan yang ada (30% dari jumlah peruntukan pembangunan yang ada)	N			Bhg (D & P) Dan PPN	P(D & P)
	5. Mencadangkan kepada pihak Jemaah Menteri mewajibkan pemaju perumahan atau pihak Berkuasa Tempatan menyediakan ruang khas bagi kegunaan pusat komuniti atau tapak pembinaan prasarana perpaduan di mana-mana juga bangunan yang dibina.	Menyediakan kertas cadangan dan justifikasi	Di kawasan perumahan/penempatan penduduk di Bandar atau Pinggir Bandar atau di mana KRT diwujudkan	Semua kawasan perumahan/penempatan penduduk	N			Bhg(D & P)	P(D & P)
	6. Menyediakan data bank tanah mengikut negeri bagi tujuan perancangan pembangunan.	Menyediakan sistem yang berkaitan Mengumpulkan maklumat dari semua negeri	Tanah kosong hak milik persekutuan dan negeri	Semua negeri	N			Bhg(D & P)	P(D & P)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

10. STRATEGI 4

PEMBANGUNAN DAN PERANCANGAN PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT

10.1 LATAR BELAKANG

Pembangunan Pelan Strategik ICT (ISP) Tahun 2010 – 2012 dibangunkan bagi melanjut dan memperkemas ISP sedia ada (Tahun 2006 – 2010) serta menggariskan pelan-pelan tindakan untuk memperkukuhkan penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan databank jabatan dan pelaksanaan inovasi selari dengan Garis Panduan ISP Sektor Awam Malaysia yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU. Ini dapat membantu dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan urusan sistem penyampaian perkhidmatan (*service delivery system*) melalui penggunaan ICT secara lebih bersepadu dan holistik kepada semua *stakeholder* jabatan. Selain itu, ISP ini juga akan memberi penekanan kepada pembangunan dan perancangan teknologi maklumat melalui strategi berasaskan proses dan pelanggan selaras dengan keperluan NKRA (*National Key Result Area*).

10.2 KEDUDUKAN MASA KINI

- a) JPNIN kini dalam pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Rukun Tetangga (e-RT) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM).
- b) Modul-modul e-RT yang telah dibangunkan dan dilaksanakan adalah :-
 - i. e-Penetapan RT, e-Penetapan SRS, e-IDRT (peringkat JPNIN)
 - ii. e-Keaktifan RT, e-Kewangan RT (peringkat AJK RT)
 - iii. e-Tabika Perpaduan (peringkat guru dan JPNIN)
- c) Pelaksanaan projek-projek Kerajaan Elektronik (EG) seperti HRMIS, e-SPKB dan e-Perolehan telah pun beroperasi di JPNIN.
- d) Dasar Keselamatan ICT (DKICT) JPNIN akan menjadi rujukan untuk penyelarasan keperluan dan pelaksanaan keselamatan ICT yang melibatkan proses, teknologi dan pengguna.
- e) Laman web JPNIN telah dibangunkan dengan kerjasama Skali Web Services di bawah projek *Managed Portal Services* (MPS), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), JPM dan “*goes live*” mulai 09/09/09. Pengurusan kandungan laman web akan melibatkan Pegawai Penyelaras Maklumat (PPM) mengikut Prosedur MS ISO 9001:2008 – Pengurusan Kandungan Laman Web.
- f) Anggaran pembekalan perkakasan ICT kepada staf JPNIN adalah lebih kurang 60% daripada bilangan keperluan staf sedia ada.
- g) Semua pegawai Gred 17 dan ke atas dibekalkan dengan akaun emel rasmi jabatan bagi keperluan komunikasi rasmi.

10.3 ISU DAN CABARAN

- a. Kesukaran mendapatkan maklumat perkhidmatan teras jabatan.
- b. Kurang kemudahan sistem *online* bagi pengurusan keperluan *stakeholder* dari manual kepada elektronik.
- c. Kekurangan maklumat untuk mengemaskini laman web dan kandungan di peringkat ibu pejabat dan negeri dari masa ke masa.
- d. Keselamatan databank dan rangkaian jabatan yang melibatkan lapisan pengguna yang ramai sehingga ke peringkat komuniti (AJK RT) dan guru Tabika Perpaduan, mendedahkan kepada ancaman penyebaran virus, penggodaman sistem dan pencapaian databank secara yang tidak sah.
- e. Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan bagi ICT yang terhad. Ini menjadi kekangan bagi pelaksanaan dan penyelenggaraan ICT di jabatan.
- f. Kekurangan staf Teknologi Maklumat bagi menyokong bidang dan projek ICT jabatan antaranya melibatkan aplikasi sistem, pangkalan data (databank), rangkaian, emel dan internet, keselamatan ICT dan penyelenggaraan serta *Helpdesk* ICT.
- g. Penggunaan emel rasmi jabatan bagi tujuan komunikasi rasmi masih di tahap yang rendah.
- h. Perubahan teknologi ICT yang pantas dari aspek perkakasan dan perisian.
- i. Kekurangan ruang penyelenggaraan peralatan ICT dan *data center* bagi penempatan peralatan ICT yang semakin bertambah.

10.4 STRATEGI

- a. Mewujudkan databank elektronik yang komprehensif, lengkap dan bersepadu.
- b. Mempertingkatkan infrastruktur ICT, keselamatan rangkaian seperti perolehan *Intrusion Protection System* (IDS/IPS), peningkatan sistem *firewall* jabatan sedia ada dan penggunaan antivirus yang sentiasa dikemaskini.
- c. Pengurusan, peningkatan dan pengisian laman web yang lebih komprehensif dan dinamik serta sentiasa dikemaskini.
- d. Mengadakan latihan ICT, sesi kesedaran keselamatan ICT dan pembudayaan ICT di kalangan warga JPNIN secara berkala.
- e. Memohon penambahan perjawatan ICT selaras dengan keperluan dan kepesatan pengkomputeran JPNIN sehingga ke peringkat negeri sebagai "*Zero Level Support*".
- f. Menambahkan kompetensi dan kemahiran melalui kursus-kursus ICT kepada staf jabatan.

10.5 SASARAN STRATEGI

- a. Menumpukan dan memberi keutamaan kepada penyediaan perkhidmatan secara *online* kepada pelanggan jabatan seperti Rukun Tetangga.
- b. Memperkemas dan memperkukuhkan databank JPNIN bagi memudahkan serta mempercepatkan pelaporan maklumat teras jabatan kepada pihak yang berkepentingan.

- c. Promosi dan publisiti perkhidmatan jabatan melalui saluran laman web rasmi jabatan dari ke masa.
- d. Peningkatan latihan, pembudayaan dan penggunaan ICT di kalangan staf JPNIN selaras dengan teknologi semasa.
- e. Merapatkan jurang digital di peringkat komuniti dengan pelaksanaan e-RT.
- f. Mempertingkatkan nisbah agihan peralatan ICT kepada *1Pengguna:1PC*.
- g. Keutamaan kepada keselamatan ICT dalam melindungi aset dan maklumat terperingkat jabatan pada setiap masa.

10.6 PELAN TINDAKAN

STRATEGI	TINDAKAN PELAKSANAAN TAKTIKAL (Program dan Halatuju Aktiviti)	UKURAN	KPI/ SASARAN	UNIT	ISO Y/N	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN (RM)		
PEMBANGUNAN & PENINGKATAN SISTEM	1. e-Bangunan & Tanah	1 sistem	Roll-out Mac		N		Projek e-RT	PPTM	P(TM) , PP(TM)
	2. Permohonan RT/SRS/ TP secara online	1 sistem	Roll-out Mac		N		Projek e-RT		
	3. Peningkatan e-Sepakat	1 sistem	Roll-out April		N		Projek e-RT		
	4. MyTiub	1 sistem	Roll-out Mei		N		√		
PENGURUSAN DATABANK	1. Databank RT & SRS	1 Databank	Jan-Dis		N		Projek e-RT	PPTM	P(TM) , PP(TM)
	2. Databank TP	1 Databank	Jan-Dis		N		Projek e-RT		
	3. Databank Aktiviti dan Kewangan RT	1 Databank	Jan-Dis		N		Projek e-RT		
LATIHAN ICT, KESELAMATAN DAN PEMBUDAYAAN ICT	1. Latihan e-RT	2 kali/zon	Jan-Dis		N		√	PPTM	P(TM) , PP(TM)
	2. Latihan e-Sepakat	2 kali/zon	Jan-Dis		N		√		
	3. Latihan e-Bangunan & Tanah	2 kali/zon	Jan-Dis		N		√		
	4. Latihan HRMIS	2 kali/zon	Jan-Dis		N		√		
	5. Latihan Sistem Lawatan Integrasi	4 kali	Jan-Dis		N		√		
	6. Latihan Penggunaan Emel	4 kali	Jan-Dis		N		√		
	1. Latihan Kesedaran Keselamatan ICT	4 kali	Jan-Dis		N		√		
	2. Latihan Penggunaan Databank (EIS)	2 kali/zon	Jan-Dis		N		√		

PENINGKATAN INFRASTRUKTUR ICT	1. Perolehan Peralatan ICT (sewaan/beli)	Agihan Pejabat JPNIN & TP	Tender/Sebutharga Jan		N		√	PPTM	P(TM) , PP(TM)
	2. Perolehan Perisian ICT	HQ/PPN/PPD	Jan-Dis		N		√	PPTM dan JTK	
	3. Naiktaraf Rangkaian ICT		Jan-Dis		N		√		
	4. Penyelenggaraan ICT		Jan-Dis		Y		√	PPTM dan JTK	
	5. <i>Software Licensing</i>		Jan-Dis		N		√	PPTM	
PENGURUSAN LAMAN WEB	Peningkatan dan pengisian Laman Web	HQ/PPN	Jan-Dis		Y		√	PPTM	P(TM) , PP(TM)

11. STRATEGI 5

MENGUBAHALIH (REPOSITIONING) RUKUN TETANGGA

11.1 LATAR BELAKANG

- a). Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 9 September 2009 telah membuat keputusan supaya Rukun Tetangga dijenamakan semula supaya lebih mirip kepada konsep kesatuan penduduk. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan tidak terhad kepada soal keselamatan penduduk tetapi meliputi juga aktiviti-aktiviti meningkatkan perpaduan dan keharmonian kaum.
- b). Jentera-jentera kerajaan di peringkat umbi seperti JASA, KEMAS, RT, SRS, RELA dan sebagainya perlu digembeling dalam usaha memperkukuhkan perpaduan antara kaum.
- c). Semua aktiviti yang dijalankan yang melibatkan penduduk perlu memberi impak yang besar dan berkesan untuk memperkukuhkan perpaduan.

11.2 KEDUDUKAN MASA KINI

- a). Sehingga bulan Oktober 2009, sebanyak 4,445 Kawasan Rukun Tetangga telah ditubuhkan. Dari jumlah tersebut terdapat KRT yang tidak aktif atau kurang aktif di dalam menjalankan aktiviti pengukuhan perpaduan.
- b). Program dan aktiviti yang dilaksanakan KRT banyak tertumpu kepada satu kumpulan kaum dan kurang menyeluruh. Ia lebih menonjol kepada aktiviti-aktiviti keselamatan yang dijalankan oleh SRS.
- c). Hanya terdapat 15% sahaja KRT yang mempunyai tempat untuk dijadikan sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan. Peratusan ini tidak seimbang dengan bilangan KRT yang telah ditubuhkan dan boleh menghalang keaktifannya.

11.3 ISU DAN CABARAN

- a). KRT merupakan sebuah pertubuhan sukarela yang melibatkan penyertaan masyarakat. Walau bagaimana pun penglibatan ini masih belum menyeluruh dan kurang mendapat sambutan. Keadaan ini boleh menjejaskan usaha membudayakan perpaduan dalam masyarakat melalui Rkun Tetangga.
- b). Meningkatkan usaha dalam memperkukuhkan jentera pelaksana secara bersepadu supaya program dan aktiviti yang dijalankan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan.
- c). Memantapkan peranan KRT sebagai badan pemantau dan pengesan isu-isu perpaduan dari semasa kesemasa.
- d). Meningkatkan interaksi di peringkat komuniti supaya isu-isu perpaduan dan integrasi nasional boleh diselesaikan segera.

Masih terdapat ruang-ruang yang perlu diperbaiki dan diperkukuhkan.

11.4 STRATEGI

- a). Mendidik dan membudayakan perpaduan dalam masyarakat melalui Rukun Tetangga.
- b). Memperkukuhkan jentera pelaksana dan jalinan dengan jabatan dan agensi kerajaan.
- c). Mengujudkan kawasan yang selamat, sejahtera dan selesa.
- d). Meningkatkan system pemantauan dan amaran awal perhubungan sosial.

11.5 SASARAN STRATEGI

- a). Memperkemas dan memperkukuhkan pengurusan perpaduan dan integrasi nasional melalui KRT.
- b). Memberi latihan dan pendedahan kepada Jawatankuasa KRT tentang pendekatan untuk mengukuhkan perpaduan, perhubungan kaum serta jalinan dengan pelbagai agensi dan pertubuhan.
- c). Promosi dan publisiti tentang kepentingan perpaduan dan integrasi nasional.
- d). Menumpukan dan memberi keutamaan kepada aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan interaksi di kalangan masyarakat melalui KRT.
- e). Perkongsian nilai bersama (share common values) seperti nilai-nilai positif dalam Lima Prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

11.6 PELAN TINDAKAN

TAJUK : **MENGUBAHALIH (REPOSITIONING) RUKUN TETANGGA**

TAHUN : **2010**

BIL	TINDAKAN PERLAKSANAAN TAKTIKAL (Program dan / atau aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO (Ya/ Tidak)	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI B/JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN		
1.	Menyediakan Pelan Tindakan Lima Tahun Rukun Tetangga	5 Tahun (2011-2015)	Siap suku tahun ke tiga 2010	6,000 naskah	Tidak	Ya	Ya	Semua Pegawai kerajaan yang berkaitan	KP JPNIN
2.	Membuat Kajian semula Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 pindaan 1988	Memastikan RT relevan dengan keadaan semasa	Siap dalam tahun 2010	500 naskah	Tidak	Ya	Ya	Semua Pegawai JPNIN	KP JPNIN
3.	Memastikan Rukun Tetangga sebagai peneraju NGO dalam komuniti	Komuniti yang sejahtera, selesa dan selamat (Hijau)	25%	1,111 KRT	Tidak	Ya	Ya	Semua Pegawai JPNIN	KP JPNIN
4.	Mengiktiraf Rukun Tetangga sebagai wakil setempat dalam masyarakat dan program agensi kerajaan.	Jalinan yang baik dengan agensi kerajaan	25%	1,111 KRT	Tidak	Ya	Ya	Semua Pegawai JPNIN	KP JPNIN
5.	Memperkasakan Rukun Tetangga kepada 5 teras menerusi :-	Komuniti yang sejahtera, selesa dan selamat	25%	1,111 KRT	Tidak	Ya	Ya	Semua Pegawai	KP JPNIN

BIL	TINDAKAN PERLAKSANAAN TAKTIKAL (Program dan / atau aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO (Ya/ Tidak)	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI B/JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN		
	5.1. Keselamatan 5.2. Perpaduan 5.3. Pendidikan Dan Hobi 5.4. Ekonomi Dan Sara Hidup 5.5 Kualiti Hidup	(Hijau)							

BIL	TINDAKAN PERLAKSANAAN TAKTIKAL (Program dan / atau aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO (Ya/ Tidak)	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI B/JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN		
6.	Penonjolan Peranan Rukun Tetangga secara lebih agresif	Kefahaman, keprihatinan dan penerimaan masyarakat terhadap peranan RT	Ruangan khas di media	4 media arus perdana	Tidak	Ya	Ya	Semua Pegawai	KP JPNIN

TAJUK : MENGUBAHALIH (*REPOSITIONING*) RUKUN TETANGGA

TAHUN : 2011

BIL	TINDAKAN PERLAKSANAAN TAKTIKAL (Program dan / atau aktiviti)	UKURAN	KPI / SASARAN	UNIT	ISO (Ya/ Tidak)	SUMBER DIPERLUKAN		PEGAWAI PELAKSANA	PEGAWAI B/JAWAB
						BUKAN KEWANGAN	KEWANGAN		
